



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KKM SEGERAKAN USAHA PENGISIAN JAWATAN PEGAWAI
PERUBATAN LANTIKAN TETAP BAGI TAHUN 2025

Putrajaya, 7 Ogos 2025 – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersempena dengan Pengumuman Penghargaan Untuk Rakyat Malaysia pada 23 Julai 2025. Antara inisiatif utama yang diumumkan oleh Kerajaan kepada KKM ialah pelantikan tetap seramai 4,352 orang Pegawai Perubatan Gred UD10 bagi tahun 2025.

Selaras dengan pengumuman tersebut, KKM telah mengambil tindakan segera dengan mengadakan sesi libat urus bersama Agensi Pusat iaitu Kementerian Kewangan (MoF), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi memastikan 4,352 orang Pegawai Perubatan Gred UD10 dapat dilantik tetap secara berfasa. Pelantikan tetap ini perlu dilaksanakan secara berfasa kerana ia melibatkan pegawai perubatan daripada beberapa kohort lantikan kontrak di samping menjaga kebajikan pegawai dari aspek susunan kekananan.

Susulan daripada sesi libat urus tersebut, pihak SPA telah mula mengeluarkan surat tawaran kepada calon sehingga selewat-lewatnya 18 Ogos 2025, dan pegawai bakal melapor diri ke fasiliti kesihatan KKM seluruh negara seawal 2 Oktober 2025.

KKM juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada JPA, SPA serta Kementerian Kewangan atas kerjasama erat bagi memastikan proses pelantikan tetap Pegawai Perubatan UD10 dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

KKM kekal komited untuk memastikan keseluruhan proses pelantikan ini berjalan lancar. Ini selaras dengan langkah strategik KKM dalam memperkukuh sistem penjagaan kesihatan awam negara dengan memastikan pengisian jawatan kritikal dilaksanakan secara terancang, seimbang dan berteraskan keperluan perkhidmatan semasa.

-Tamat-

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
7 Ogos 2025

